

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 NOVEMBER 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 38

KDNK dijangka naik dua digit

KDNK dijangka naik dua digit

PETALING JAYA – Penganalisis ekonomi menjangkakan keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia bagi suku tahun ketiga 2022 akan melonjak sebanyak 10.9 peratus, daripada pertumbuhan kukuh pada 8.9 peratus yang dicatatkan suku tahun sebelumnya.

Kenanga Investment Bank Berhad (Kenanga) menerusi nota kajian yang diterbitkan semalam berkata, ketika suku tahun ketiga dijangka merekodkan pertumbuhan kukuh, pihaknya mengunjurkan prestasi yang lebih perlahan pada suku tahun keempat.

"Kami menjangkakan pertumbuhan 2.3 peratus pada suku keempat, disebabkan penggunaan swasta yang lebih lemah di

tengah-tengah risiko luaran yang semakin meningkat.

"Secara keseluruhan, kami mengekalkan unjuran pertumbuhan KDNK Malaysia 2022 pada 6.5 hingga tujuh peratus, berbanding 3.1 peratus pada tahun 2021.

"Bagi tahun hadapan, kami menjangkakan pertumbuhan akan menyederhana kepada empat hingga 4.5 peratus," katanya.

Jabatan Perangkaan dijadualkan untuk mengumumkan prestasi KDNK Malaysia bagi suku tahun ketiga 2022 pada Jumaat ini.

Sementara itu, Kenanga berkata, pertumbuhan sektor pembuatan meskipun disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan, ia kelihatan telah

mula terjejas disebabkan perdagangan luar yang lebih lemah, dalam keadaan ekonomi global yang semakin perlahan.

"Kami menjangkakan pertumbuhan indeks pembuatan akan berkurangan sepanjang suku tahun keempat 2022 kerana permintaan domestik mungkin mula kehilangan momentum, terutamanya berikutan empat kenaikan kadar faedah berturut-turut oleh Bank Negara Malaysia," katanya.

Jabatan Perangkaan kelmarin mengumumkan nilai jualan sektor pembuatan meningkat 17.6 peratus kepada RM1,326.3 bilion dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu.



EKONOMI Malaysia dilihat terus pulih dengan anggaran pertumbuhan 10.9 peratus untuk suku ketiga 2022. – GAMBAR HIASAN